

Zahid: 445 kes bunuh guna senjata api sejak 2008
Free Malaysia Today
Nov 14, 2016
Minderjeet Kaur

Menteri dalam negeri itu berkata, rekod tertinggi kes pembunuhan dikaitkan senjata api ialah 95 kes pada 2013.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 445 kes pembunuhan menggunakan senjata api berlaku sepanjang 8 tahun lalu, kata menteri dalam negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini berkata, rekod tertinggi ialah 95 kes pembunuhan berkaitan senjata api yang dicatatkan pada 2013, manakala hanya 36 kes dicatatkan pada 2011.

Katanya menjawab soalan Sim Chee Keong (DAP-Bukit Mertajam) berjumlah rekod kes pembunuhan dikaitkan dengan senjata api.

Zahid berkata, 38 kes pembunuhan menggunakan senjata api berlaku pada 2008, disusuli 45 kes pada 2009, 53 kes (2010), 68 kes (2012), 41 kes (2014), 45 kes (2015) dan 24 kes setakat September tahun ini.

Sebanyak 182 daripada 445 kes pembunuhan itu berjaya diselesaikan.

Malaysia mempunyai undang-undang ketat berhubung pemilikan senjata api.

Sehubungan itu, kebanyakan rakyat tidak pernah melihat senjata api sebenar, selain revolver standard yang diberikan kepada anggota polis, apatah lagi memegangnya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/14/zahid-445-kes-bunuh-guna-senjata-api-sejak-2008/>